




Pertubuhan Khairat Kematian &
Kebajikan Bayu Indera (PKKKBI)
(PPM-027-05-09072024)

BUKU PANDUAN

PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN &
KEBAJIKAN BAYU INDERA (PKKKBI)

V.1 17.3.2025



KANDUNGAN



Latar Belakang Pertubuhan	01
Matlamat Pertubuhan	02
Carta Organisasi Pertubuhan	03 – 04
Yuran Pertubuhan	05
Manfaat Pertubuhan	06 – 07
Sistem e-Khairat	08
Kos Pengurusan Jenazah di Masjid Bandar Springhill	09
Nombor Telefon Penting (Lapor Kematian)	10
Lampiran & Muat Turun Dokumen	11 – 12
Carta Aliran Proses	13 – 15
Perlembagaan Pertubuhan	16.– 26

Latar Belakang Pertubuhan

Pertubuhan Khairat Kematian dan Kebajikan Bayu Indera (PKKKBI) ini secara rasminya ditubuhkan dan didaftarkan pada 09 Julai 2024 hasil daripada perbincangan pengerusi-pengerusi taman yang terdiri daripada Taman Bayu Indera Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3.

Penubuhan ini dipersetujui berikutan keperluan untuk diadakan satu tabung dana sekiranya berlaku kematian kepada ahli-ahli yang juga penduduk di taman masing-masing dan ianya akan diperluaskan lagi Taman Vista Jaya.

Selain daripada itu, langkah ini juga sebagai persediaan daripada pembinaan Masjid Bayu Indera yang kini dalam proses dimana pewartaan tanah telah selesai dan kini dalam permohonan kelulusan pembinaan bangunan dan dana daripada kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri.



"Dan tolong-menolonglah kamu dalam hal mengerjakan kebaikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam hal perbuatan dosa dan permusuhan." (QS. Al Maidah: 2)

Matlamat Pertubuhan

02



Mengikut Fasal 3, perlembagaan pertubuhan menyatakan seperti berikut:-

1. Untuk menggalakkan ahli bersatu dan bekerjasama pada memberikan bantuan kewangan bila berlaku kematian kepada ahli atau tanggungannya untuk membantu keluarga si mati yang bertanggungjawab menyempurnakan pengkebumian jenazah si mati.
2. Menggalakkan ahli-ahli supaya dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara mereka.
3. Untuk menjaga ahli-ahli didalam hal-hal kebajikan dah kegiatan kemasyarakatan yang berteraskan nilai-nilai keislaman.

"Maka berlumba-lumbalah kamu dalam berbuatkebaikan". (Qs Al-Baqarah:148)

CARTA ORGANISASI

AHLI JAWATANKUASA UTAMA PERTUBUHAN

SESI 2025-2026

03



Harith Syazwan Bin Yahya (Bayu 1)
Pengerusi



Ahmadalmukhtary Men Alihasyemi Bin Alwi (Bayu 3)
Timbalan Pengerusi



Hamizan Bin Tokiman (Bayu 2)
Setiausaha



Hanny Humaira Ezra Binti Abd Malek (Bayu 1)
Penolong Setiausaha



Mohd Khairul Bin Anuar (Bayu 2)
Bendahari



Khairul Azman Bin Osman (Bayu 3)
Penolong Bendahari



Nasir Bin Ishak
Ahli Jawatankuasa



Sohaimee Bin Alam Shah
Ahli Jawatankuasa



CARTA ORGANISASI AHLI JAWATANKUASA LANTIKAN SESI 2025-2026

04

Taman Bayu Indera 1 (Fasa 1)



Hamidah Binti Radzuan
Ahli Jawatankuasa (L)



**Muhammad Syazwan
Bin Samsol Kahar**
Ahli Jawatankuasa (L)



Md Munawir Bin Md Yusoff
Ahli Jawatankuasa (L)

Taman Bayu Indera 2 (Fasa 2)



**Nurul Safwana Binti
Khairul Azmi**
Ahli Jawatankuasa (L)



**Fatin Syafiqah Nadjwa
Binti Mohd Ali**
Ahli Jawatankuasa (L)



Norezam Bin Nordin
Ahli Jawatankuasa (L)

Taman Bayu Indera 3 (Fasa 3)



Nur Hajar Bin Mamat
Ahli Jawatankuasa (L)



Shahida Binti Jamdan
Ahli Jawatankuasa (L)



**Muhammad Ameerruddin
Bin Md Rozi**
Ahli Jawatankuasa (L)

Taman Bayu Indera (Fasa 1A) & Taman Vista Jaya



Norhizam Bin Mohd Kasim
Ahli Jawatankuasa (L)



Kosong (TVJ)
Ahli Jawatankuasa (L)

YURAN PERTUBUHAN

FASAL 5

Menurut Fasal 5 perlembagaan pertubuhan menyatakan seperti berikut:-

Yuran Pendaftaran (Sekali Bayar)
RM30.00

Yuran Tahunan
RM50.00

Hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya sebelum **bulan 2** setiap tahun. Sekiranya tiada pembayaran dibuat selepas bulan 2, maka ia disebut sebagai tunggakan bagi tahun semasa dan tidak layak menerima sebarang manfaat sehingga ianya dijelaskan.

“Allah akan sentiasa membantu hamba-Nya selagi mereka saling membantu antara satu sama lain.” Dirwayatkan oleh Imam Al-Bukhari

MANFAAT PERTUBUHAN

FASAL 7



Ahli / Pasangan

Bayaran **RM1,500.00** kepada waris bagi kematian ahli atau pasangan kepada ahli yang berdaftar.



Anak-Anak

Bayaran **RM1,000.00** kepada waris bagi kematian anak kepada ahli yang berdaftar.



Ibu Bapa

Bayaran **RM500.00** kepada waris bagi kematian ibu atau bapa kepada ahli yang berdaftar. **Manfaat hanya sekiranya dikebumikan di dalam kariah sahaja dan berkuatkuasa 2026.**



Kebajikan

- Bantuan Pendidikan Anak*
- Bantuan Kemasukan Hospital*
- Bantuan Kemalangan Jalan Raya*

** Tertakluk kelulusan mesyuarat jawatankuasa.*

MAKLUMAT TAMBAHAN BERKAITAN MANFAAT

Menurut Fasal 14 - Perkara AM menyatakan bahawa :-

- **Had bantuan** bagi setiap ahli ialah **RM2,000.00 sahaja** (termasuk kes kematian serentak keluarga). Ini juga termaktub dalam sekatan di bawah Akta Pertubuhan 1966 Perkara 21 (1) (a).
- Tanggungan yang dibenarkan adalah sehingga umur **30 tahun sahaja** bagi kategori anak. Sekiranya melebihi 30 tahun, anak tersebut perlu mendaftar sebagai ahli baru. Walaubagaimanapun, pengecualian diberikan kepada anak kelainan upaya (OKU) yang tidak berkemampuan untuk menguruskan diri sahaja.

SISTEM E-KHAIRAT


bayuindera@e-khairat.com
CIMB | 8011332556

[Utama](#)
[Syarat](#)
[Pendaftaran](#)
[Status Bayaran](#)
[Infaq Khairat](#)
[Dokumen](#)
[LOGIN](#)

KEMPEN PENDAFTARAN AHLI PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN DAN KEBAJIKAN BAYU INDERA (PKKKBI)

Warga kariah Taman Bayu Indera Lukut yang ingin menyertai khairat kematian boleh mendaftar secara dalam talian. Rujuk soalan lazim yang disertakan.

[KLIK](#)



PENDAFTARAN AHLI BARU

Pendaftaran ahli baru. Sila rujuk [syarat & polisi](#). Jika anda bermasalah untuk daftar atau menggunakan sistem ini, sila hubungi pentadbir.



SEMAKAN BAYARAN & KEAHLIAN

Ahli yang telah berdaftar boleh menyemak dan membuat pembayaran tahunan, kemaskini maklumat tanggungan dan status bayaran terkini.



HUBUNGI PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN

Hubungi kami segera jika ada kes kematian
013.386 5500 (Pengerusi), 018.223 8103 (Timbalan Pengerusi), 018.946 7006 (Bendahari)

Untuk pendaftaran, bayaran yuran serta kemaskini maklumat diri dan keluarga hanya perlu dibuat di portal e-khairat sahaja. Sila imbas kod QR berikut:-



Pengurusan Jenazah Masjid Bandar Springhill

09



Anggaran Kos Pengurusan Jenazah : RM1,000

Kos Sewa Van Jenazah minima RM100 (Mengikut Jarak dan Kawasan) dan RM3.00/km bagi luar kawasan

Untuk dihubungi-

Ketua Unit Pengurusan Jenazah - Imam Hafiz (011-27063691)

Urusetia Urus Jenazah - Bilal Abdul Latif (019-6543663)

Urusetia Jenazah Wanita - Pn. Noraidah (019-8523888)

No. Telefon Wakil Taman (Lapor Kematian)

TAMAN BAYU INDERA 1 (FASA 1)

En. Sohaimee Bin Alam Shah

019-257 9376

TAMAN BAYU INDERA 2 (FASA 2)

En. Hamizan Bin Tokiman

013-330 9375

TAMAN BAYU INDERA 3 (FASA 3)

En. Ahmadalmukhtary Men Alihasyiemi Bin Alwi

018-946 7006

Pn. Shahida Binti Jamdan

011-2112 8785

TAMAN BAYU INDERA 1A (FASA 1A)

En. Norhizam Bin Mohd. Kassim

019-626 7027

TAMAN VISTA JAYA

Akan dimaklumkan kemudian



LAMPIRAN SIJIL KELULUSAN PERTUBUHAN

PPM-027-05-09072024



MALAYSIA

AKTA PERTUBUHAN 1966
PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

BORANG 3
(Peraturan 5)

SIJIL PENDAFTARAN


Adalah diperakui bahawa

**PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN DAN KEBAJIKAN BAYU INDERA(PKKKBI)
GUARD HOUSE-2, JALAN BIL 1 TAMAN BAYU INDERA LUKUT 2,
71010 LUKUT
NEGERI SEMBILAN**

*hari ini didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah Seksyen 7
Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah*

PPM-027-05-09072024

*Diperbuat dengan ditandatangani oleh saya pada
09 haribulan Julai 2024*



(DATO MOHD ZULFIKAR BIN AHMAD)

*Pendaftar Pertubuhan,
Malaysia*

MUAT TURUN DOKUMEN

12

Anda boleh muat turun borang-borang seperti yang berikut:-


1. Borang Pemakluman Kediaman (Pengesahan Pengerusi Taman)
2. Borang Penerimaan Bantuan
3. Perlembagaan Pertubuhan

Sila imbas kod QR berikut:-



CARTA ALIRAN PROSES PENDAFTARAN DAN KELULUSAN KEAHLIAN


13



CARTA ALIRAN PROSES PENGURUSAN JENAZAH & BAYARAN BANTUAN KHAIRAT KEMATIAN


14

CARTA ALIRAN PROSES PENGURUSAN JENAZAH & BAYARAN BANTUAN KHAIRAT KEMATIAN (BKK)



CARTA ALIRAN PROSES TUNTUTAN BANTUAN KEBAJIKAN

CARTA ALIRAN PROSES TUNTUTAN BANTUAN KEBAJIKAN



PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN (PINDAAN 2025)

PERLEMBAGAAN BAGI

PERTUBUHAN INDUK

PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN DAN KEBAJIKAN BAYU INDERA(PKKKBI)

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN DAN KEBAJIKAN BAYU INDERA(PKKKBI)

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**PONDOK PENGAWAL BAYU INDERA 1 TAMAN BAYU INDERA LUKUT 1
71010 PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**PONDOK PENGAWAL BAYU INDERA 1 TAMAN BAYU INDERA LUKUT 1
71010 PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

(1)UNTUK MENGGALAKKAN AHLI BERSATU DAN BEKERJASAMA PADA MEMBERIKAN BANTUAN KEWANGAN BILA BERLAKU KEMATIAN KEPADA AHLI ATAU TANGGUNGANNYA UNTUK MEMBANTU KELUARGA SI MATI YANG BERTANGGUNGJAWAB MENYEMPURNAKAN PENGKEBUMIAN JENAZAH SI MATI.

(2)MENGALAKKAN AHLI-AHLI SUPAYA DAPAT MENERATKAN LAGI HUBUNGAN SILATURRAHIM DI ANTARA MEREKA.

(3)UNTUK MENJAGA AHLI-AHLI DIDALAM HAL-HAL KEBAJIKAN DAH KEGIATAN KEMASYARAKATAN YANG BERTERASKAN NILAI-NILAI KEISLAMAN.

(4)TIADA

(5)TIADA

(6)TIADA

FASAL 4 KEAHLIAN

(1) Ahli Biasa Pertubuhan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur antara 18 hingga 60 tahun yang menetap di Taman Bayu Indera dan Taman Vista Jaya (penduduk kampung/mukim/taman perumahan). Penduduk-penduduk di luar kawasan ini tidak boleh diterima menjadi ahli.

(2) Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftar namanya, nama-nama tanggungannya dan nama warisnya yang lengkap dengan umur dan alamat kepada Setiausaha.

(3) Setiausaha hendaklah memproses permohonan keahlian dan membawanya untuk pertimbangan Jawatankuasa. Mesyuarat Jawatankuasa berhak menolak sesuatu permohonan untuk menjadi ahli tanpa sebarang sebab.

FASAL 5 SUMBER KEWANGAN

(1) Tiap-tiap ahli hendaklah membayar yuran tahunan sebanyak RM 50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh) kepada Bendahari terlebih dahulu sebelum bulan 2 pada setiap tahun, manakala Yuran Pendaftaran sebanyak RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh) secara sekali bayar sahaja.

(2) Ahli yang membiarkan hutang yurannya lebih daripada dua bulan selepas tempoh yang ditetapkan pada fasal 5(1) akan diberikan surat peringatan oleh Bendahari. Jika ahli itu masih tidak membayar hutangnya dalam tempoh satu bulan daripada tarikh peringatan dikeluarkan, maka beliau hendaklah dianggap berhenti menjadi ahli dan tidak berhak mendapat apa-apa bantuan.

(3) Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan mesyuarat agung ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar wang yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran tahunan .

(4) Pertubuhan ini dibenarkan untuk menerima sumbangan dalam apa-apa bentuk

dan sumbangan yang diterima hendaklah diisytiharkan di dalam Penyata Tahunan Pertubuhan.

(5) RM 4.80 daripada yuran tahunan atau RM 0.40 daripada yuran bulanan atau sepuluh peratus (10%) daripada sumbangan ataupun apa-apa pendapatan lain boleh digunakan untuk apa-apa perbelanjaan pentadbiran pertubuhan.

(6) Segala sumber kewangan setelah ditolak jumlah yang dibenarkan untuk tujuan pentadbiran, hendaklah dimasukkan ke dalam wang tabungan.

FASAL 6 WANG TABUNGAN

(1) Wang tabungan Pertubuhan ini hendaklah digunakan semata-mata untuk membayar bantuan kewangan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 3 perlembagaan ini.

(2) Wang ini hendaklah disimpan dalam suatu akaun yang berasingan dengan akaun pentadbiran pada bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa dan akaun bank itu hendaklah atas nama Pertubuhan.

(3) Lima puluh peratus daripada kumpulan-kumpulan wang Pertubuhan yang tidak segera dikehendaki untuk membayar faedah bolehlah dilaburkan dalam sekuriti amanah, atau dengan persetujuan Pendaftar atas syarat-syarat sebagaimana yang dikenakan, bagi membeli tanah.

FASAL 7 BANTUAN KEWANGAN

- (1) Wang bantuan akan dikeluarkan apabila berlaku kematian seperti di bawah ini:-
- (a) Atas kematian ahli sendiri RM 1500 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus sahaja)
 - (b) Atas kematian isteri/suami ahli RM 1500 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus sahaja)
 - (c) Atas kematian anak ahli RM 1000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu sahaja)
 - (d) Atas kematian ibu/bapa ahli RM 500 (Ringgit Malaysia Lima Ratus sahaja)
 - (e) Atas kematian nenek/datuk ahli RM - (Ringgit Malaysia Tiada sahaja)

(2) Wang bantuan belanja pengebumian sebanyak RM - (Ringgit Malaysia Tiada sahaja) akan dikeluarkan apabila berlaku kematian ahli atau tanggungan ahli anak, suami/isteri.

FASAL 8 SYARAT BANTUAN

(1) Wang Bantuan akan dibayar cuma atas kematian ahli dan tanggungan-tanggungan ahli yang namanya ada di dalam daftar yang disimpan oleh Setiausaha dengan syarat ada sijil kematian yang sah. Bagi kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada ahli dan bagi kematian ahli sendiri, bantuan akan dibayar kepada warisnya.

FASAL 9 JAWATANKUASA

(1) Satu Jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai Pertubuhan hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada :

Seorang Pengerusi
Seorang Timbalan Pengerusi

Seorang Setiausaha Agung
Seorang Penolong Setiausaha Agung
Seorang Bendahari Agung

2 orang Ahli Jawatankuasa Biasa

(2) Pemegang-pemegang jawatan Pertubuhan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Pertubuhan ini hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia.

(3) Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan pemilihan akan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada . Semua pegawai boleh dipilih semula setiap tahun.

(4) Fungsi Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Pertubuhan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Pertubuhan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung. Jawatankuasa seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan keputusan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Jawatankuasa mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan

(5) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli jawatankuasa 7 hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada orang ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah 1/2 daripada bilangan ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

(6) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha bolehlah

mendapatkan kelulusan dari ahli-ahli jawatankuasa secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan:

(a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap ahli Jawatankuasa;

(b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap cadangan itu; dan

(c) Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan di dalam minit mesyuarat.

(7) Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.

(8) Jika seorang ahli Jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

(9) Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan Pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Pertubuhan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Pertubuhan.

(10) Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.

(11) Jawatankuasa hendaklah bertanggungjawab memelihara dokumen pertubuhan pada setiap masa serta hendaklah memastikan ianya diserahkan dengan lengkap kepada jawatankuasa baru jika berlaku sebarang peralihan kepimpinan.

FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

(1) Pengerusi dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah mempengerusi segala Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung serta bertanggungjawab di atas kesempurnaannya. Beliau mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit mesyuarat apabila ianya diluluskan.

(2) Timbalan Pengerusi akan membantu Pengerusi menyelia urusan pentadbiran

Pertubuhan dan memangku tugas Pengerusi semasa ketiadaannya.

(3) Setiausaha hendaklah menjalankan kerja pentadbiran mengikut perlembagaan dan mengikut segala perintah mesyuarat agung serta Mesyuarat Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab mengurus serta menyimpan semua dokumen rasmi Pertubuhan termasuklah peringatan-peringatan Mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung, notis-notis dari Pendaftar Pertubuhan, sentiasa mengemaskini buku daftar ahli. Setiausaha hendaklah memastikan Buku daftar ahli mengandungi butir-butir seperti berikut:

- (a) Bil. Siri
- (b) Nama Ahli
- (c) Tarikh Menjadi Ahli
- (d) Umur/Tarikh Lahir
- (e) No. Kad Pengenalan
- (f) Alamat
- (g) Pekerjaan
- (h) Nama-Nama Tanggungan
- (i) Nama Waris

(4) Penolong Setiausaha akan membantu Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya serta memangku tugas semasa ketiadaannya.

(5) Bendahari bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan. Beliau hendaklah memastikan segala yuran Pertubuhan dipungut, mengemaskini buku yuran dan buku kira-kira wang masuk dan keluar pertubuhan. Bendahari juga hendaklah bertanggungjawab di atas ketepatan:

(a) Penyata Kira-kira bulanan; dan

(b) Penyata kira-kira tahunan yang diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit yang dilantik dalam Mesyuarat Agung. Bendahari tidak dibenarkan menyimpan wang tunai di tangannya lebih daripada RM 2000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) pada satu-satu ketika dan semua wang yang lebih daripada itu hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Bank yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa. Beliau bertanggungjawab berkenaan dengan segala wang yang diterima dan dibayar serta diberi kuasa menandatangani cek-cek bagi pihak Pertubuhan bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha. Akaun bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.

(6) Ahli-ahli Jawatankuasa biasa hendaklah hadir di dalam mesyuarat dan membantu pegawai-pegawai yang di atas itu menjalankan tugas-tugas mereka.

FASAL 11 MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

(1) Pengelolaan Pertubuhan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya tiga kali jumlah ahli Jawatankuasa hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.

(2) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak lebih daripada 30 hari yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda Perlembagaan Pertubuhan.

(3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Pertubuhan hendaklah diadakan dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh Mesyuarat Agung Tahunan terakhir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Agenda Mesyuarat Agung Tahunan adalah:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung yang lalu;
- (b) menerima laporan Jawatankuasa berkenaan perjalanan pertubuhan di dalam tahun lalu;
- (c) menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
- (d) memilih ahli-ahli Jawatankuasa dan melantik Juruaudit untuk tahun yang akan datang; dan
- (e) menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

(4) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta penyata kira-kira Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.

(5) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 12 MESYUARAT AGUNG KHAS

(1) Mesyuarat Agung Khas bagi pertubuhan ini boleh diadakan:

- (a) bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau
- (b) atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis oleh tidak kurang dari satu perlima 1/5 dari jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.

(2) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

(3) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah

diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

(4) Fasal 11(1) dan 11(2) di dalam perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

(5) Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan minit tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan seberapa segera yang boleh setelah selesainya mesyuarat itu.

FASAL 13 JURUAUDIT

(1) Dua orang yang bukannya pegawai pertubuhan hendaklah dilantik di dalam tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Perlantikan mereka hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Pendaftar Pertubuhan.

(2) Juruaudit berhak memeriksa segala buku, penyata kewangan dan kunci kira-kira tahunan Pertubuhan dan mengesahkan Penyata tersebut dengan membandingkannya dengan akaun dan baucer-baucer berkaitan. Mereka hendaklah menandatangani penyata kewangan itu yang didapati betul, sempurna disokong serta mengikut Perlembagaan pertubuhan atau hendaklah khasnya melaporkan kepada pertubuhan perkara yang didapati tidak betul, tidak disokong atau tidak mengikut Perlembagaan pertubuhan.

(3) Mereka juga dikehendaki memeriksa penyata kewangan dan kunci kira-kira Pertubuhan pada bila-bila masa jika difikirkan perlu oleh Pengerusi atau Jawatankuasa.

FASAL 14 PERKARA AM

(1) Seseorang ahli boleh menamakan seseorang sebagai orang yang akan menerima wang bantuan daripada golongan yang disebutkan ini suami, isteri, anak (termasuk anak angkat), cucu, ibu, bapa, ibu mertua, bapa mertua, menantu, saudara seibu dan sebapa, saudara seibu atau sebapa, anak kepada saudara seibu dan sebapa, anak kepada saudara seibu atau sebapa, bapa atau ibu saudara seibu dan sebapa, atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu atau sebapa kepada ahli. Seseorang ahli boleh menamakan mana-mana orang selain daripada golongan tersebut di atas dengan syarat beliau menandatangani suatu perakuan bertulis yang disaksikan oleh seorang Jaksa Pendamai atau seorang Majistret atau Pendaftar/Penolong Pendaftar.

(2) Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu salinan Perlembagaan

Pertubuhan ini apabila diterima menjadi ahli. Mana-mana orang boleh diberi satu salinan Perlembagaan berdaftar Pertubuhan ini apabila diminta dan dibayarnya wang sebanyak tidak lebih daripada RM 5.00 (Ringgit Malaysia: Lima)

(3) Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu salinan kunci kira-kira, Penyata penerimaan dan perbelanjaan atau penyata kewangan lain-lain yang sempurna diaudit apabila diminta.

(4) Buku-buku Pertubuhan ini dan daftar ahli-ahlinya boleh diperiksa oleh sebarang ahli atau seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wang tabungan Pertubuhan dengan syarat memberitahu Setiausaha 5 hari terlebih dahulu.

(5) Ahli-ahli yang ada kemusykilan terhadap pegawai-pegawai Pertubuhan atau Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilannya di dalam Mesyuarat Agung dan keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad. Bekas ahli dan mereka yang ada bersangkutan dengan Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilan ke dalam Mesyuarat Agung melalui ahli Pertubuhan.

(6) Sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM 5000 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Jawatankuasa dan sesuatu perbelanjaan yang lebih daripada RM 10000 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) tidak boleh dilakukan sebelum diluluskan terlebih dahulu oleh Mesyuarat Agung. Perbelanjaan RM 5000 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) dan ke bawah bolehlah dibenarkan oleh Bendahari bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha dan disahkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya. Bagaimanapun pembayaran bantuan yang ditetapkan dalam Fasal 7 di atas tidak tertakluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar seterusnya jika syarat-syarat mendapatkan bantuan telah disempurnakan.

(7) Ahli yang sengaja melanggar undang-undang Pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada Pertubuhan ini boleh dipecat daripada menjadi ahli oleh Mesyuarat Jawatankuasa. Sebelum dipecat ahli itu mestilah diberitahu dengan bertulis tentang sebab-sebab dia hendak dipecat dan diberi peluang untuk memberi apa-apa penjelasan yang ada dengan bertulis atau dengan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan khas untuknya. Jika 2/3 Ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat mengundi menyokong pemecatan maka ahli itu dipecat dengan serta merta. Walaupun demikian ahli itu boleh, jika tidak puas hati merayu kepada Mesyuarat Agung menurut peruntukan (5) di atas.

(8) Ahli yang hendak berhenti menjadi ahli Pertubuhan ini hendaklah memberi kenyataan yang bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.

(9) Bantuan kebajikan seperti bantuan kemalangan jalan raya, bantuan kemasukan ke hospital dan bantuan pendidikan anak masing-masing dibayar mengikut kepada jumlah yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa tertakluk kepada kewangan semasa pertubuhan.

(10) Had bantuan bagi setiap ahli ialah RM2,000 sahaja termasuk bagi kematian keluarga secara serentak.

(11) Bantuan kematian bagi ibu dan bapa kepada ahli hanya dibayar sekiranya dikebumikan di dalam kawasan kariah sahaja.

(12) Tanggungan hanya terhad sehingga umur 30 tahun sahaja dan sekiranya melebihi umur 30 tahun, tanggungan tersebut perlu mendaftar sebagai ahli baharu dan pengecualian hanya diberikan kepada tanggungan yang kelainan upaya (OKU).

FASAL 15 PENGAMANAH

(1) Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap dan pelaburan kumpulan wang Pertubuhan. Seseorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha dan Bendahari dalam Pertubuhan ini tidak boleh dilantik menjadi Pengamanah.

(2) Suatu salinan ketetapan melantik seseorang pemegang amanah yang ditandatangani oleh Pengamanah yang dilantik dan disahkan oleh Setiausaha hendaklah dihantarkan kepada Pendaftar.

(3) Seseorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau atas lain sebab yang dia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau perlucutan jawatan bagi seseorang Pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

FASAL 16 TAFSIRAN

Di antara berlangsungnya Mesyuarat Agung, Mesyuarat Jawatankuasa boleh memberi tafsiran kepada Perlembagaan ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan ini. Keputusan Jawatankuasa itu adalah muktamad jika tidak atau sehingga diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 17 PINDAAN PERLEMBAGAAN

(1) Segala pindaan kepada perlembagaan ini hendaklah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung oleh majoriti daripada jumlah ahli yang hadir, akan tetapi pindaan bagi mengurangkan bantuan yang ditetapkan dalam perlembagaan ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan tiga perempat (3/4) daripada jumlah ahli-ahli Pertubuhan dengan cara undi sulit.

(2) Permohonan untuk perubahan atau pindaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung meluluskan perubahan atau pindaan itu dan ianya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 18 PEMBUBARAN

Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan $\frac{3}{4}$ daripada ahli-ahli Pertubuhan ini di dalam Mesyuarat Agung yang diadakan khas untuknya. Apabila keputusan telah diambil untuk membubarkan Pertubuhan ini, maka segala hutang dan tanggungan yang sah dari segi undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan Mesyuarat Agung untuk membubarkan Pertubuhan ini. Pembubaran itu hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.

FASAL 19 BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA

1. Bendera
 -
 - Keterangan
 -
2. Lambang
 -
 - Keterangan
 -
3. Lencana
 -
 - Keterangan
 -



Pertubuhan Khairat Kematian &
Kebajikan Bayu Indera (PKKKBI)
(PPM-027-05-09072024)

Sebarang aduan dan pertanyaan, sila email ke
khairatbayuindera@gmail.com

TERIMA KASIH

